

BAB KETIGA

METODOLOGI

3.1 PENGENALAN

Penyelidikan ini bertujuan mengemukakan kedudukan sebenar tingkah laku pelajar Sekolah Menengah Ugama (Arab) Taqaddum Ma’arif, Pasir Tumbuh, Kota Bharu, Kelantan [SMU(A)] dan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Melor, Padang Raja, Kota Bharu, Kelantan [SMK(A)]. Dalam bab ketiga ini penyelidik berusaha menjelaskan bagaimana penyelidikan ini dijalankan. Penyelidik berusaha menganalisiskan peratusan jenis salah laku pelajar serta faktor yang menyebabkan salah laku pelajar di kedua-dua buah sekolah menengah yang diselidiki ini. Seterusnya penyelidik berusaha menganalisiskan bentuk-bentuk strategi kawalan salah laku pelajar serta keberkesanan strategi yang diamalkan oleh kedua-dua buah sekolah menengah yang diselidiki ini.

Penyelidikan ini merupakan suatu penerokaan. Walaupun banyak terdapat penyelidikan tentang masalah salah laku pelajar atau masalah disiplin pelajar di sekolah, penyelidikan ini adalah berbeza kerana difokuskan kepada sekolah menengah yang beraliran agama.

3.2 RANGKA PENYELIDIKAN

Penyelidik terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (BPPDP) dan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan (JPN) untuk menjalankan

penyelidikan di SMK(A). Setelah mendapat kebenaran bertulis daripada BPPDP dan JPN, penyelidik berjumpa dengan pengetua SMK(A) mengemukakan surat kebenaran ini dan berbincang dengan beliau tentang tujuan dan tarikh penyelidikan. Pengetua SMK(A) menerima kedatangan penyelidik dengan senang hati dan mengalu-alukan penyelidikan ini dijalankan.

Kebenaran menjalankan penyelidikan di SMU(A) dibuat melalui surat pengakuan daripada Ketua Jabatan Asas Sosial, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur kepada Yasasan Islam Kelantan. Yasasan Islam Kelantan memanjangkan surat yang sama kepada pengetua SMU(A) melalui penyelidik sendiri. Penyelidik berjumpa dengan pengetua SMU(A) mengemukakan kebenaran menjalankan penyelidikan ini dan berbincang dengan beliau tentang tujuan dan tarikh penyelidikan. Pengetua SMU(A) juga menerima kedatangan penyelidik dengan senang hati dan mengalu-alukan penyelidikan ini dijalankan.

Penyelidikan ini dijalankan serentak di SMU(A) dan di SMK(A) mulai 19hb. Julai, 1998 hingga 11hb. Ogos, 1998 iaitu selama tiga minggu tiga hari. Penyelidik telah memaklumkan kepada kedua-dua orang pengetua ini cara penyelidikan ini dijalankan supaya tidak menimbulkan kekeliruan dengan kedudukan penyelidik yang tidak menetap di sesuatu bahagian di sekolah mereka malahan sentiasa beredar dan keluar masuk kawasan sekolah. Walau bagaimanapun pihak sekolah memberikan keinudahan tempat duduk kepada penyelidik di dalam bilik guru.

Penyelidikan ini dijalankan dengan berpandukan kepada siaran-siaran atau pekeliling-pekeliling daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan hasil-hasil daripada peninjauan ke atas kajian lampau. Ianya dibuat sebagai garis panduan untuk menentukan

jenis-jenis salah laku pelajar yang disenaraikan itu berlaku atau tidak berlaku di SMU(A) dan di SMK(A).

Daripada maklumat yang dikumpulkan, penyelidik menyusun dan merancang penyelidikan ini. Bagi menyempurnakan penyelidikan ini, tiga method penyelidikan digunakan iaitu soal selidik, kajian rekod dan pemerhatian.

3.3 SOAL SELIDIK

Soalan-soalan penyelidikan dibentuk oleh penyelidik dan dibentangkan bersama penyelia calon. Melalui pembentangan ini soalan-soalan soal selidik telah dibaiki sebanyak tiga kali bertujuan mendapatkan data yang tepat dan menjawab kepada persoalan penyelidikan. Di samping itu pembaikian juga dibuat agar soalan-soalan yang dibentuk itu mempunyai bahasa yang baik dan menyenangkan responden menjawabnya dengan ikhlas.

Penyelidik menggunakan tiga golongan responden untuk menjawab soalan-soalan yang sama. Responden terdiri daripada 60 orang pelajar SMU(A) dan 60 orang pelajar SMK(A), 10 orang guru SMU(A) dan 10 orang guru SMK(A) dan 10 orang ibu bapa pelajar SMU(A) dan 10 orang ibu bapa pelajar SMK(A).

3.3.1 PELAJAR

Pada asalnya penyelidik merancang untuk mengambil responden di kalangan pelajar tingkatan satu, tingkatan dua, tingkatan tiga, tingkatan empat dan tingkatan lima untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh daripada pelajar menengah rendah dan pelajar menengah atas tetapi pihak BPPDP tidak membenarkan responden dipilih daripada

tingkatan yang terlibat dengan Penilaian Menengah Rendah (PMR) iaitu pelajar tingkatan tiga dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) iaitu pelajar tingkatan lima. Untuk meneruskan penyelidikan ini, penyelidik mengambil responden di kalangan pelajar tingkatan satu dan tingkatan dua mewakili pelajar menengah rendah dan mengambil responden di kalangan pelajar tingkatan empat mewakili pelajar menengah atas.

Pelajar yang menjadi responden ini dipilih secara rawak dari kelas sederhana untuk mewakili pelajar yang baik dan mewakili pelajar yang lemah. Ianya melibatkan sepuluh orang pelajar lelaki dan sepuluh orang pelajar perempuan bagi setiap tingkatan satu kelas sederhana, tingkatan dua kelas sederhana dan tingkatan empat kelas sederhana di kedua-dua buah sekolah yang diselidiki. Kelas-kelas sederhana ini telah ditentukan oleh kedua-dua buah sekolah yang diselidiki berdasarkan pencapaian akademik pelajar.

Pemilihan responden di kalangan pelajar dibuat pada hari pertama penyelidikan dijalankan sebelum penyelidik berinteraksi dengan guru dan pelajar di kedua-dua buah sekolah yang diselidiki kecuali pengetua supaya penyelidik tidak dipengaruhi oleh guru terutama guru tingkatan bagi tingkatan yang dipilih untuk menjadi responden dalam penyelidikan ini. Penyelidik mendapatkan Buku Rekod Kehadiran Pelajar bagi tingkatan satu kelas sederhana, tingkatan dua kelas sederhana dan tingkatan empat kelas sederhana untuk mendapatkan nama-nama pelajar bagi dijadikan responden dan memisahkan antara nama pelajar lelaki dengan nama pelajar perempuan setiap tingkatan yang terlibat dalam penyelidikan ini. Penyelidik kemudiannya memilih 10 orang pelajar lelaki dan 10 orang pelajar perempuan dari setiap tingkatan satu kelas sederhana, tingkatan dua kelas sederhana dan tingkatan empat kelas sederhana secara rawak selang dua iaitu 2, 4, 6, 8, 10, 12, 14, 16 ,18 dan 20.

Jumlah responden di kalangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan yang dipilih dari SMU(A) dan di SMK(A) adalah seperti berikut :-

Jadual : 3.3.1 : Jumlah Pelajar SMU(A) Dan SMK(A) Yang Menjadi Responden Penyelidikan Berdasarkan Tingkatan

Tingkatan	SMU(A)		SMK(A)		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	
1 sederhana	10	10	10	10	40
2 sederhana	10	10	10	10	40
4 sederhana	10	10	10	10	40
Jumlah	30	30	30	30	120

Pada hari kedua penyelidikan, penyelidik mengemukakan kepada guru tingkatan satu kelas sederhana, guru tingkatan dua kelas sederhana dan guru tingkatan empat kelas sederhana nama-nama pelajar yang menjadi responden untuk menjawab soalan-soalan dalam borang soal selidik. Guru-guru tingkatan SMU(A) yang terlibat dengan responden ini diminta mengumpulkan pelajar yang penyelidik senaraikan di kantin pada jam 8.00 pagi tanpa menukarkannya dengan pelajar lain. Di SMK(A) pula, guru-guru tingkatan yang terlibat dengan pelajar yang menjadi responden ini diminta mengumpulkan pelajar yang penyelidik senaraikan di kantin pada jam 11.30 pagi tanpa menukarkannya dengan pelajar lain.

Setelah responden di kalangan pelajar ini berkumpul di kantin, penyelidik memberikan penerangan secara lisan kepada mereka tentang tujuan mereka dikumpulkan. Mereka diminta menjawab soalan-soalan dalam borang soal selidik dalam tempoh enam puluh minit secara ikhlas tanpa dipengaruhi sesiapa. Mereka juga dibenarkan mengangkat tangan untuk bertanyakan kepada penyelidik yang menyelia mereka semasa

menjawab jika mereka tidak saham dengan maksud soalan soal selidik yang dikemukakan. Penyelidik telah memastikan bahawa semua pelajar yang menjadi responden ini menjawab semua soalan yang dikemukakan. Penyelidik terus memungut borang soal selidik yang siap dijawab oleh sebilangan daripada mereka walaupun masa yang diperuntukkan masih ada. Hal ini dilakukan agar pelajar yang siap menjawab tidak dipengaruhi oleh kawan-kawan mereka yang berhampiran. Semua borang soal selidik untuk pelajar ini iaitu 60 naskhah untuk responden di kalangan pelajar SMU(A) dan 60 naskhah untuk responden di kalangan pelajar SMK(A) terus dipungut oleh penyelidik sebaik saja mereka siap menjawab. Penyelidik tidak membenarkan mereka ini membawa borang soal selidik keluar dari kawasan kantin untuk memastikan mereka menjawab dengan ikhlas, tidak dipengaruhi dan memastikan borang soal selidik itu tidak hilang.

3.3.2 GURU

Seramai 10 orang guru di SMU(A) dan 10 orang guru di SMK(A) yang dipilih tanpa menentukan jantina untuk menjawab soalan-soalan soal selidik. Mereka ini ialah Pengetua, Penolong Kanan Pentadbiran, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Guru Disiplin, Guru PIBG, Guru unit Bimbingan dan Kaunseling, Guru Perpustakaan, Guru Tingkatan Satu Kelas Sederhana, Guru Tingkatan Dua Kelas Sederhana dan Guru Tingkatan Empat Kelas Sederhana.

Jumlah guru SMU(A) dan SMK(A) yang menjadi responden penyelidikan ini berdasarkan jawatan adalah seperti dalam jadual 3.3.2 berikut :-

Jadual 3.3.2 : Jumlah Responden Di Kalangan Guru SMU(A) dan SMK(A) Berdasarkan Jawatan

Jawatan	SMU(A)	SMK(A)	Jumlah
Pengetua	1	1	2
Penolong Kanan Pentadbiran	1	1	2
Penolong Kanan HEM	1	1	2
Guru Disiplin	1	1	2
Guru PIBG	1	1	2
Guru Unit Bimbingan dan Kaunseling	1	1	2
Guru perpuslakaan	1	1	2
Guru Tingkatan 1 Kelas Sederhana	1	1	2
Guru Tingkatan 2 Kelas Sederhana	1	1	2
Guru Tingkatan 4 Kelas Sederhana	1	1	2
Jumlah	10	10	20

Guru-guru ini dipilih kerana mereka merupakan guru yang paling banyak berinteraksi dengan pelajar, tidak terhad kepada urusan pengajaran dan pembelajaran. Penyelidik telah mendapatkan nama guru-guru yang terlibat ini daripada guru disiplin pada hari pertama penyelidikan. Pada hari ketiga penyelidikan, mulai jam 8.00 pagi, penyelidik berjumpa sendiri dengan guru-guru SMK(A) yang terlibat dan menyerahkan borang soal selidik guru kepada mereka. Penyelidik memberikan keterangan ringkas secara lisan tentang tujuan penyelidikan dan sebab-sebab mengapa mereka dipilih.

Mereka juga diminta membaca sepintas lalu soalan-soalan soal selidik bersama penyelidik untuk memastikan mereka faham dengan kehendak soalan dan meminta mereka menjawab dengan ikhlas tanpa dipengaruhi rakan sekerja. Guru-guru ini tidak ditempatkan di suatu tempat untuk menjawab soalan-soalan soal selidik. Mereka bebas menjawab di mana sahaja dan penyelidik meminta mereka kembalikan borang soal selidik yang siap dijawab kepada penyelidik pada jam 11.00 pagi, di bilik guru.

Sementara guru-guru SMK(A) yang menjadi sampel penyelidikan ini menjawab, penyelidik beredar ke SMU(A) untuk mengedarkan borang soal selidik kepada 10 orang guru yang terlibat. Penyelidik juga telah mendapatkan nama guru-guru yang terlibat ini daripada guru disiplin pada hari pertama penyelidikan. Mulai jam 9.30 pagi penyelidik berjumpa sendiri dengan guru-guru SMU(A) yang terlibat dan menyerahkan borang soal selidik guru kepada mereka. Penyelidik menggunakan prosedur yang sama seperti di SMK(A) iaitu memberikan keterangan ringkas secara lisan tentang tujuan penyelidikan dan sebab-sebab mengapa mereka dipilih. Mereka juga diminta membaca sepintas lalu soalan-soalan soal selidik bersama penyelidik untuk memastikan mereka faham dengan kehendak soalan dan meminta mereka menjawab dengan ikhlas tanpa dipengaruhi rakan sekerja. Guru-guru ini tidak ditempatkan di suatu tempat untuk menjawab solan soal selidik. Mereka bebas menjawab di mana sahaja dan penyelidik meminta mereka kembalikan borang soal selidik yang siap dijawab kepada penyelidik pada jam 12.30 tegahari, di bilik guru.

Pada jam 11.00 pagi penyelidik memungut 8 borang soal selidik guru di SMK(A) yang siap dijawab dan penyelidik mendapatkan 2 borang soal selidik lagi iaitu yang dijawab oleh Pengetua dan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid di bilik mereka masing-

masing. Kesemuanya iaitu 10 borang soal selidik guru SMK(A) yang siap dijawab berjaya dipungut oleh penyelidik.

Pada jam 12.30 tengahari penyelidik memungut 6 borang soal selidik guru SMU(A) yang siap dijawab dan penyelidik mendapatkan 3 borang soal selidik lagi iaitu yang dijawab oleh Pengetua di dalam bilik pengetua dan borang soal selidik yang dijawab oleh Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan Guru Disiplin di kantin sekolah. Kesemuanya iaitu 10 borang soal selidik guru SMU(A) yang siap dijawab berjaya dipungut oleh penyelidik.

3.3.3 IBU BAPA

Penyelidik meminta kerja sama Guru PIBG di SMU(A) dan Guru PIBG di SMK(A) untuk mendapatkan 10 orang nama ibu bapa yang mempunyai jawatan dalam PIBG di kedua-dua buah sekolah ini terutama Ahli Jawatankuasa Tertinggi beserta alamat mereka. Mereka ini dipilih kerana mereka lebih kerap berinteraksi dengan pihak sekolah dan lebih banyak maklumat tentang tingkah laku pelajar di sekolah berbanding dengan ibu bapa yang tiada jawatan dalam PIBG.

Penyelidik mendapatkan sendiri responden di kalangan ibu bapa ini di rumah mereka untuk mereka menjawab soalan-soalan solan selidik dan terus memungut borang ini apabila selesai dijawab. Penyelidik mudah mendapatkan mereka ini di rumah masing-masing kerana mereka tinggal dekat dengan sekolah iaitu sekitar 2 kilometer dari sekolah.

Majoriti responden di kalangan ibu bapa ini bekerja sebagai pekebun, penjual buah-buahan daripada hasil kebun sendiri dan pengusaha kedai runcit. Mereka senang

dihubungi di rumah pada sebelah petang. Sekiranya mereka tiada di rumah, penyelidik meninggalkan pesanan temujanji melalui anak-anak mereka atau jiran mereka.

Apabila penyelidik berjaya mendapatkan responden di kalangan ibu bapa, penyelidik terlebih dahulu memperkenalkan diri dan menyatakan tujuan penyelidikan ini dijalankan. Setelah mereka faham dan menunjukkan reaksi menerima kehadiran penyelidik, penyelidik meminta mereka menjawab soalan-soalan dalam borang soal selidik sehingga tamat. Penyelidik ada bersama mereka ketika mereka menjawab untuk memastikan mereka memahami kehendak soalan dan menandakan jawaban yang bertepatan dengan mereka. Namun begitu penyelidik berada pada jarak lima kaki daripada mereka untuk memberikan keselesaan kepada mereka menjawab dan penyelidik tidak sekali-kali mempengaruhi mereka dalam menentukan jawaban. Penyelidik terus memungut borang soal selidik yang siap dijawab oleh mereka dan memohon diri untuk beredar.

3.4 KAJIAN REKOD

Penyelidik membuat kajian rekod ini sebagai pengukuhan atau maklumat tambahan yang terdapat secara bertulis di SMU(A) dan di SMK(A). Penyelidik telah menyemak rekod-rekod yang sedia ada di kedua-dua buah sekolah yang diselidiki ini.

Penyelidik banyak berhubung dengan guru disiplin dalam membuat kajian rekod ini. Terlebih dahulu penyelidik meminta daripada guru disiplin untuk menyemak Buku Peraturan Disiplin Sekolah untuk menentukan bahawa pihak sekolah mewujudkan peraturan kepada pelajar untuk dipatuhi dengan garis panduan yang lengkap secara bertulis agar pelajar dapat menentukan tingkah laku mereka itu diterima oleh masyarakat

sekolah atau ianya melanggari peraturan sekolah mereka. Kedua-dua buah sekolah yang diselidiki ini mempunyai buku Peraturan Disiplin Sekolah di mana pihak SMU(A) menamakan buku ini dengan Buku Panduan Peraturan Disiplin Sekolah dan pihak SMK(A) menamakan buku ini dengan Peraturan Sekolah.

Seterusnya penyelidik menyemak rekod masalah salah laku pelajar, rekod tindakan dan hukuman yang dikenakan ke atas pelajar, rekod jumlah pengawas dan surat perjanjian tentang peraturan sekolah antara pelajar dengan sekolah. Penyelidik mendapatkan rekod-rekod ini daripada guru disiplin kedua-dua buah sekolah yang diselidiki ini.

Penyelidik mendapatkan rekod bimbingan kaunseling SMU(A) dan SMK(A) daripada guru unit bimbingan dan kaunseling. Penyelidik tidak membawa keluar rekod bimbingan kaunseling daripada bilik unit bimbingan dan kaunseling untuk menjaga kerahsiaan rekod-rekod yang dicataktan. Penyelidik mencatatkan rekod yang hanya diberikan kepada penyelidik oleh guru unit bimbingan dan kaunseling ke dalam buku catatan penyelidik dan menyerahkannya semula kepada guru unit bimbingan dan kaunseling yang ada bersama penyelidik di dalam bilik unit bimbingan dan kaunseling.

Penyelidik mendapatkan rekod kehadiran pelajar tingkatan satu kelas sederhana, tingkatan dua kelas sederhana dan tingkatan empat kelas sederhana SMU(A) dan SMK(A) melalui Buku Rekod Kehadiran Pelajar yang berada di pejabat sekolah masing-masing. Penyelidik menyemak dan membuat catatan ke dalam buku catatan penyelidik di dalam pejabat sekolah tanpa membawa keluar daripada pejabat kerana Buku Rekod Kehadiran Pelajar ini sentiasa diperlukan untuk rujukan pihak sekolah terutama Penolong Kanan HEM dan Guru Tingkatan kelas berkenaan.

Rekod seterusnya yang disemak ialah rekod kehadiran guru SMU(A) dan rekod kehadiran guru SMK(A). Penyelidik mendapatkan rekod ini melalui Buku Catatan Kehadiran Guru SMU(A) dan Buku Catatan Kehadiran Guru SMK(A) yang terdapat di pejabat sekolah masing-masing. Penyelidik membuat catatan ke dalam buku catatan penyelidik rekod kehadiran guru SMU(A) dan SMK(A) di pejabat sekolah tanpa membawa keluar Buku Catatan Kehadiran Guru ini daripada pejabat sekolah kerana buku ini penting sebagai rujukan pengetua dan guru-guru lain untuk menentukan kehadiran guru di sekolah berkenaan.

3.4.1 REKOD-REKOD YANG DISEMAK DI SMU(A).

Penyelidik telah menyemak 7 rekod di SMU(A). Rekod-rekod itu adalah seperti berikut:-

- a) Buku Peraturan Disiplin Sekolah.
- b) Buku Rekod Salah Laku Pelajar, Tindakan Dan Hukuman.
- c) Rekod Surat Perjanjian Di Antara Pelajar Dengan Sekolah.
- d) Buku Catatan Pengawas.
- e) Buku Rekod Bimbingan Kaunseling.
- f) Buku Rekod Kehadiran Pelajar.
- g) Buku Rekod Kehadiran Guru.

Daripada kajian ke atas 7 rekod di SMU(A), penyelidik dapati jumlah kes berdasarkan jenis-jenis salah laku pelajar di SMU(A) adalah seperti berikut :-

Jadual 3.4 (a) : Jumlah Kes Berdasarkan Jenis Salah Laku Pelajar SMU(A) Daripada Kajian Rekod.

Bil	Jenis-Jenis Salah Laku Pelajar SMU(A)	Jumlah Kes
1	Tidak hadir ke sekolah	48
2	Masuk tandas dengan kasut sekolah	1
3	Mengintai pelajar perempuan	4
4	Datang lewat ke sekolah	22
5	Pelajar lelaki berambut panjang	26
6	Merokok di Musolla sekolah	2
7	Memiliki mercun	1
8	Kecurian duit	2

Jadual 3.4 (a) menunjukkan bahawa jenis salah laku pelajar SMU(A) yang melebihi sepuluh kes ialah tidak hadir sekolah (38 kes), pelajar lelaki berambut panjang (26 kes) dan datang lewat ke sekolah (22 kes) berbanding jenis-jenis salah laku lain iaitu masuk tandas dengan kasut sekolah (1 kes), mengintai pelajar perempuan (1 kes), merokok di musolla sekolah (2 kes), memiliki mercun (1 kes) dan kecurian duit (1 kes).

3.4.2 REKOD-REKOD YANG DISEMAK DI SMK(A).

Penyelidik telah menyemak 6 rekod di SMK(A). Rekod-rekod itu adalah seperti berikut:-

- a) Buku Peraturan Disiplin Sekolah.
- b) Buku Rekod Salah Laku Pelajar, Tindakan Dan Hukuman.
- c) Buku Catatan Pengawas.
- d) Buku Rekod Bimbingan Kaunseling.
- e) Buku Rekod Kehadiran Pelajar.
- f) Buku Rekod Kehadiran Guru.

Daripada kajian rekod ke atas 6 rekod di SMK(A), penyelidik dapati jumlah kes berdasarkan jenis-jenis salah laku pelajar di SMK(A) adalah seperti berikut :-

Jadual 3.4 (b) : Jumlah Kes Berdasarkan Jenis Salah Laku Pelajar SMK(A) Daripada Kajian Rekod.

Bil	Jenis-Jenis Salah Laku Pelajar SMU(A)	Jumlah Kes
1	Tidak hadir ke sekolah	34
2	Ponteng perhimpunan mingguan	7
3	Pelajar lelaki berambut panjang	15
4	Datang lewat ke sekolah	91
5	Tidak memakai lencana sekolah	1
6	Tidak memakai stokin	2
7	Tidak memakai tali leher	7
8	Berselipar	7
9	Menunggang motor dalam kawasan sekolah	11
10	Menconteng pakaian seragam sekolah	5
11	Memakai kasut berwarna hitam	1

Jadual 3.4 (b) menunjukkan bahawa jenis salah laku pelajar SMK(A) yang melebihi sepuluh kes ialah datang lewat ke sekolah (91 kes), tidak hadir sekolah (38 kes), pelajar lelaki berambut panjang (15 kes) dan menunggang motor dalam kawasan sekolah (11 kes) berbanding ponteng perhimpunan mingguan (7 kes), tidak memakai lencana sekolah (1 kes), tidak memakai stokin (2 kes), tidak memakai tali leher (7 kes), berselipar (7 kes), menconteng pakaian seragam sekolah (5 kes) dan memakai kasut berwarna hitam (1 kes).

3.5 PEMERHATIAN

Kaedah yang ketiga digunakan dalam penyelidikan ini ialah kaedah pemerhatian.

Penyelidik menggunakan kaedah ini untuk mendapatkan gambaran semasa yang benar-benar berlaku di SMU(A) dan SMK(A). Data-data yang penyelidik perolehi dalam pemerhatian ini digunakan sebagai pengkuhan kepada data-data yang diperolehi melalui kaedah soal selidik dan kaedah kajian rekod.

Aspek-aspek yang diperhatikan ialah budaya sekolah, hubungan antara pelajar sesama pelajar, hubungan antara pelajar dengan guru, hubungan antara pelajar dengan kakitangan sekolah, kepatuhan pelajar kepada peraturan sekolah, kepatuhan guru kepada peraturan sekolah, keceriaan kawasan sekolah, kantin dan tandas dan tingkah laku pelajar apabila waktu persekolahan bermula, semasa guru mengajar di dalam kelas, pada waktu rehat dan semasa persekolahan berakhir.

Penyelidik membuat pemerhatian di SMU(A) dan di SMK(A) pada hari yang sama sepanjang tempoh penyelidikan dibuat. Sekiranya penyelidik berada di SMU(A) pada awal waktu persekolahan sehingga selepas waktu rehat, penyelidik akan beredar ke

SMK(A) dan membuat pemerhatian di SMK(A) selepas waktu rehat sehingga tamat waktu persekolahan. Pada hari berikutnya penyelidik berada di SMK(A) pada awal waktu persekolahan sehingga selepas waktu rehat, penyelidik akan beredar ke SMU(A) dan membuat pemerhatian di SMU(A) selepas waktu rehat sehingga tamat waktu persekolahan. Beginilah corak pemerhatian yang penyelidik jalankan di kedua-dua buah sekolah yang diselidiki ini.

Penyelidik sampai di sekolah SMU(A) dua puluh minit sebelum loceng pertama yang menunjukkan waktu persekolahan bermula. Penyelidik sentiasa beredar di antara pintu pagar sekolah, kantin sekolah, bilik guru, pejabat, tandas pelajar, koridor, surau, makmal sains dan bengkel kemahiran hidup. Tempat-tempat ini membolehkan penyelidik menguasai apa yang berlaku di seluruh kawasan sekolah. Pemerhatian ini dibuat tanpa disedari secara langsung oleh guru dan pelajar kerana penyelidik membuat pemerhatian dan membuat catatan dalam buku catatan sambil membuat kerja sendiri seperti makan di kantin, menyemak rekod di pejabat, bergerak ke tandas, menganalisis data dalam borang soal selidik di makmal sains, bengkel kemahiran hidup, bilik guru dan surau.

Pemerhatian di dalam bilik darjah yang penyelidik lakukan di SMU(A) dan di SMK(A) ialah semasa guru mengajar. Tingkatan yang terlibat dengan pemerhatian ini ialah tingkatan satu kelas sederhana, tingkatan dua kelas sederhana dan tingkatan empat kelas sederhana. Pemerhatian dalam bilik darjah ini dibuat pada masa pertama, masa sebelum rehat, masa selepas rehat dan masa terakhir pada hari yang berlainan dengan mata pelajaran yang berbeza sama ada mata pelajaran agama atau tidak.

Guru-guru yang terlibat dengan pemerhatian di dalam bilik darjah sebelum waktu rehat dimaklumkan secara bertulis dan lisan pada awal pagi tentang masa, kelas dan

tujuan pemerhatian ini dibuat manakala guru-guru yang terlibat dengan pemerhatian di dalam bilik darjah selepas waktu rehat dimaklumkan secara bertulis dan lisan pada waktu rehat. Penyelidik membuat makluman ini kepada mereka supaya kewujudan penyelidik di dalam kelas semasa mereka mengajar itu disenangi dan tidak mengganggu pengajaran dan pembelajaran.

3.5.1 JENIS-JENIS SALAH LAKU PELAJAR YANG DIDAPATI DI SMU(A)

HASIL DARIPADA PEMERHATIAN YANG DIJALANKAN.

Hasil daripada pemerhatian penyelidik, jenis-jenis salah laku yang tedapat di SMU(A) adalah seperti berikut :-

Jadual 3.5.1 (a) : Jumlah Kes Berdasarkan Jenis Salah Laku Pelajar SMU(A) Hasil Daripada Pemerhatian.

Bil	Jenis-Jenis Salah Laku Pelajar SMU(A)	Jumlah Kes
1	Pelajar lelaki berkumpul dan berbual di tandas	11
2	Bercakap semasa perhimpunan mingguan.	11
3	Berkeliaran di koridor.	8
4	Berkeliaran di kantin.	1
5	Tidak memakai stokin.	2
6	Berkumpul di koridor.	11
7	Datang lewat ke sekolah.	30
8	Tidak beratur di koridor kelas untuk memulakan pelajaran waktu pertama.	12
9	Bising di dalam kelas.	8
10	Membuat kerja lain yang bukan akademik semasa guru mengajar.	14
11	Lewat memasuki kelas selepas waktu rehat berakhir.	5

Jadual 3.5 1(a) menunjukkan bahawa 6 daripada 11 jenis salah laku pelajar SMU(A) hasil daripada pemerhatian penyelidik yang melebihi sepuluh kes ialah datang lewat ke sekolah (30 kes), membuat kerja lain yang bukan akademik semasa guru mengajar (14 kes), tidak beratur di koridor kelas untuk memulakan pelajaran waktu pertama (12 kes), pelajar lelaki berkumpul dan berbual di tandas (11 kes), bercakap semasa perhimpunan mingguan (11 kes) dan berkumpul di koridor (11 kes) berbanding jenis-jenis salah laku lain iaitu berkeliaran di koridor (8 kes), berkeliaran di kantin (1 kes), tidak memakai stokin (2 kes), bising di dalam kelas (8 kes) dan lewat memasuki kelas selepas waktu rehat berakhir.

3.5.2 JENIS-JENIS SALAH LAKU PELAJAR YANG TERDAPAT DI SMK(A)

HASIL DARIPADA PEMERHATIAN YANG DIJALANKAN.

Hasil daripada pemerhatian, penyelidik dapati jenis-jenis salah laku di SMK(A) adalah seperti berikut :-

Jadual 3.5.2(b) : Jumlah Kes Berdasarkan Jenis Salah Laku Pelajar SMK(A) Hasil Daripada Pemerhatian.

Bil	Jenis-Jenis Salah Laku Pelajar SMK(A)	Jumlah Kes
1	Tidak memakai lencana sekolah	2
2	Bercakap semasa perhimpunan mingguan	6
3	Pelajar lelaki berambut panjang	5
4	Bising di dalam kelas	15
5	Berkeliaran di koridor sekolah	1
6	Datang lewat ke sekolah	18
7	Membuang pembungkus makanan di bawah pokok dekat kantin	2
8	Membuang pembalut gula-gula di tangga sekolah	1
9	Menunggang motorsikal dalam kawasan sekolah	12
10	Memakai kasut sukan	1
11	.Memakai tali pinggang yang tidak mengikut ukuran lebar sebenar-2.5 sm hingga 3.0 sm	1
12	Tidak memakai stokin	1
13	Tidak memakai pakaian sukan semasa kelas Pendidikan Jasmani dan Kesihatan	1
14	Membuat kerja-kerja lain yang bukan akademik semasa guru mengajar	24

Jadual 3.5.2 (a) menunjukkan bahawa 4 daripada 14 jenis salah laku pelajar

SMK(A) hasil daripada pemerhatian penyelidik yang melebihi sepuluh kes ialah bising di